



KENYATAAN MEDIA LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SARAWAK

BAS.MY Kuching memulakan perkhidmatan secara berfasa mulai 5 Mac

LPKP Sarawak dengan sukacita memaklumkan BAS.MY Kuching akan memulakan perkhidmatan secara berfasa mulai esok.

Laluan Q10 adalah laluan pertama yang akan mula beroperasi pada 5 Mac 2025 (Rabu). Laluan ini dari **Open Air Market** ke **Serian** melibatkan **6 buah bas** baharu yang mesra OKU. Jarak sehala laluan ini adalah sebanyak **67km** dan merangkumi **48 hentian bas**.

Perkhidmatan BAS.MY Kuching dilaksanakan di bawah Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-Henti atau *Stage Bus Service Transformation* (SBST) di bawah Kerajaan Persekutuan.

Perkhidmatan BAS.MY Kuching akan dilaksanakan secara berfasa sehingga bulan April 2025. Apabila perkhidmatan ini berjalan sepenuhnya, terdapat sejumlah 56 bas baharu yang akan memberi perkhidmatan di 10 laluan.

BAS.MY Kuching menggunakan sistem pembayaran terbuka di mana pengguna boleh membayar dengan kad debit, kad kredit, *e-wallet* dan juga wang tunai.

Warganegara Malaysia boleh melanggan Kad 30 Hari BAS.MY pada harga RM50 yang akan membolehkan pengguna menaiki perkhidmatan BAS.MY Kuching tanpa had untuk 30 hari.

Selain itu, warga OKU, warga emas berumur 60 tahun ke atas, pelajar sekolah dan mahasiswa yang merupakan warganegara Malaysia juga boleh menikmati tambang percuma dengan memohon Kad Konsesi BAS.MY dengan pihak pengendali.

LPKP Sarawak di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) komited untuk memastikan perkhidmatan BAS.MY Kuching boleh menyumbang kepada pengangkutan awam yang lebih baik di kawasan *Greater Kuching*.

-TAMAT-

Pertanyaan Media:

Tel: +6082 412033 (Talian Umum)

Emel: pertanyaan@lpkpsarawak.gov.my

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SARAWAK
04 MAC 2025**